

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD.
TAHIR [TEMERLOH]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kawasan titik tengah Semenanjung, kedudukan strategik serta wujudnya infrastruktur yang baik menghubungkan daerah ini dengan Kuala Lumpur dan daerah-daerah lain tidak mempunyai satu pun Institusi Pengajian Tinggi. Adakah Kementerian ada merancang untuk menubuhkan IPT di daerah Temerloh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada kedudukan kewangan negara, penubuhan sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) turut mengambil kira pelbagai aspek seperti lokasi, pertumbuhan ekonomi, strategi pembangunan negara dan wilayah serta keperluan guna tenaga.

Di negeri Pahang, terdapat empat (4) Universiti Awam (UA), tiga (3) politeknik dan sebelas (11) kolej komuniti yang menawarkan pelbagai program dan bidang pengajian untuk menyokong keperluan tenaga kerja mahir dan profesional serta menyokong pembangunan ekonomi negeri dan negara.

SOALAN NO: 48

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP2, RMKe-12) Tahun 2022, Kementerian telah mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) bagi pembinaan sebuah Kampus Kolej Komuniti Jelai, Pahang dengan kapasiti seramai 240 orang pelajar. Program yang akan ditawarkan di Kolej Komuniti ini ialah Sijil Agroteknologi dan Sijil Teknologi Pertanian Lestari.

Dalam pada itu, Temerloh juga telah mempunyai sebuah kolej komuniti, iaitu Kolej Komuniti Temerloh yang telah beroperasi sejak tahun 2003. Kolej Komuniti ini menawarkan empat (4) program, iaitu Sijil Penyelenggaraan Bangunan; Sijil Fesyen dan Pakaian; Sijil Teknologi Maklumat; serta Sijil Reka Bentuk dan Pembuatan Perabot. Berdasarkan jumlah institusi dan bidang yang ditawarkan tersebut, KPT berpandangan ia adalah mencukupi bagi menampung keperluan semasa pembangunan modal insan di negeri Pahang.

Walau bagaimanapun, KPT menghargai dan memberikan perhatian terhadap cadangan Yang Berhormat Temerloh untuk mewujudkan IPT di Temerloh, Pahang. Pihak KPT akan meneliti keperluan perkara ini dari semasa ke semasa bergantung jua kepada keperluan tertentu termasuk keupayaan semasa kewangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.